

## TEKS AMANAT YB SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERLIS

- Pada 1 Februari yang lalu, telah dua tahun saya berkhidmat di Negeri Perlis
- Matlamat membawa perubahan dan kemajuan kepada negeri ini dan tambah baik tadbir urus jentera Pentadbiran kerajaan.
- Antara yang telah dapat dilaksanakan ialah:
  - a. Pelancaran Pelan Digital Perlis 2021-2025 yang telah dilancarkan pada 10 November 2020. Pelan ini adalah satu pendekatan holistik bagi meningkatkan mutu perkhidmatan kerajaan, kualiti hidup rakyat dan daya saing perniagaan dengan menggunakan kepintaran data dan teknologi bagi menjadikan Negeri Perlis terus berdaya maju secara mapan dan kekal berdaya saing dalam arus kemajuan masa kini. Pelan ini bakal menjadi panduan dan rujukan kepada Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, jabatan, pemain industri, ahli akademik serta semua pihak berkepentingan dalam merancang dan membagunkan Negeri Perlis.
  - b. Pelancaran Pelan Induk Perancangan Fizikal Pelancongan Negeri Perlis. Pelan ini bertujuan untuk merangka hala tuju pembangunan pelancongan negeri Perlis sehingga tahun 2030. Dokumen ini akan menjadi rujukan utama semua pihak berkepentingan termasuk awam dan swasta dalam merancang dan membangunkan sektor pelancongan di negeri ini.
  - c. Kerajaan Negeri Perlis bergerak kearah pentadbiran secara matriks iaitu bahagian atau jabatan bukan sahaja menjalankan fungsi khusus semata-mata sebaliknya berfungsi secara bersepadu merentasi jabatan/bahagian yang ada. Setiap jabatan/bahagian memberikan kerjasama kepada satu sama lain seiring untuk mencapai objektif yang ditetapkan. Kecekapan dapat ditingkatkan termasuk dengan penggunaan teknologi. Sebagai contoh, *flying squad* diperkembangkan dengan adaptasi struktur matriks seterusnya

memberikan dimensi baru dan meningkatkan kecekapan kepada proses pemantauan aduan rakyat.

d. Mewujudkan pelbagai saluran aduan termasuk melalui media sosial bagi memudahkan rakyat mengemukakan cadangan dan aduan dan dipantau secara sistematik oleh Pentadbiran SUK. Pada tahun 2020, rondaan *flying squad* telah selesaikan 95% aduan yang diterima.

e. Kutipan hasil negeri RM113juta berbanding sasaran RM106juta tahun 2020 dan perbelanjaan sebanyak 95.22% (jumlah RM175.9juta)

- Misi tahun 2021 adalah “Menjana Perubahan ke arah keberkesanan penyampaian”. Fokus utama kepada sektor ekonomi dan pentadbiran kerajaan.
- Bagi memantapkan lagi pembangunan sumber manusia di pentadbiran SUK, pusingan kerja dilaksanakan secara tersusun dan sistematik. Pendekatan ini memberikan pengalaman baru kepada pegawai dengan suasana serta cara kerja yang berbeza. Pegawai juga mendapat peluang untuk persediaan bagi kemajuan kerjaya masing-masing serta meluaskan pandangan mereka agar dapat mengenalpasti kekuatan diri dalam sesuatu bidang.
- Sebagai usaha memberikan pendedahan dan menyegarkan perkhidmatan awam Negeri Perlis, Pejabat SUK Negeri Perlis dengan kerjasama Pejabat SUK Negeri Pulau Pinang telah melaksanakan program penempatan pegawai Majlis Perbandaran Kangar (MPK) di Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) pada 4 -6 November 2020 dengan penglibatan 13 pegawai. Modul pengurusan pelan pembangunan (OSC), penguatkuasaan dan alam sekitar serta modul *smart city*. Penempatan ini mendedahkan pegawai dengan pengetahuan, kemahiran, pengalaman dalam persekitaran serta tadbir urus yang berbeza. Justeru, diharapkan budaya kerja terbaik dapat diadaptasi dan diterapkan apabila mereka kembali ke Negeri Perlis. Sebanyak 20 cadangan tambah baik proses kerja dicadangkan oleh MPK lanjutan daripada program ini. Tambah

baik ini kelak akan memberikan kebaikan kepada semua pemegang taruh (*stake holder*). Program seumpama ini akan di kembangkan kepada jabatan-jabatan lain di bawah Pentadbiran SUK.

- Penyampaian perkhidmatan yang terbaik tidak hanya bergantung kepada pembangunan sumber manusia yang berilmu dan cekap. Tetapi ianya harus juga diikuti dengan penggunaan teknologi dan peralatan yang wajar selaras dengan perkembangan semasa. Justeru itu, usaha penggantian peralatan-peralatan yang usang dari segi teknologi dan penambahbaikan kaedah pelaksanaan perlu diambil bagi meningkatkan pencapaian jabatan/agensi kerajaan dan warga penjawat awam dalam menyokong usaha pembangunan Negeri Perlis.
- Kerajaan Negeri mensasarkan agar satu Pelan Anti Rasuah Kerajaan Negeri Perlis di wujudkan dalam tahun 2021 ini sebagai panduan dan komitmen Kerajaan Negeri untuk mempromosikan ketelusan, sikap bertanggungjawab dan integriti dalam urusan Kerajaan. Sentiasa berusaha melindungi kepentingan rakyat dan menghapuskan ketirisan dalam memacu pertumbuhan ekonomi Negeri.
- Kerajaan Negeri akan memberi fokus kepada penganjuran kursus berbentuk *functional* serta *hands on* agar dapat memberi impak positif yang menghasilkan *outcomes* memberangsangkan dalam meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam kepada rakyat Negeri Perlis. Dalam konteks pembangunan negeri Perlis, latihan mengenai pemantauan pelaksanaan projek pembangunan akan ditingkatkan. Selain itu, inovasi untuk menyepadukan maklumat antara agensi pelaksanaan projek perlu diwujudkan bagi memastikan *check and balance*, kecekapan dan pematuhan peraturan.
- Kursus gabungan *generic* dan *functional* seperti *technical writing*, pemantapan penguatkuasaan, *scenario planning and*

*strategic thinking* serta *capacity building* bakal menjadi pemangkin dalam memperkasakan penjawat awam. Semua bentuk latihan secara berterusan dan holistik ini adalah bagi menyuntik semangat, kreativiti, insaniah dan inovasi bagi meningkatkan kecekapan penyampaian dan membangunkan minda penjawat awam kelas pertama.

- Kebajikan anggota pentadbiran akan diberikan perhatian. Persekitaran kerja yang kondusif serta peralatan kerja dengan teknologi yang terkini akan disediakan secara berperingkat untuk tingkat produktiviti seterusnya tambah baik kualiti perkhidmatan kepada rakyat.